




PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	13/2/2012



# Ramai amal Gagasan 1 Malaysia

## Penilaian pengamalan melebihi sasaran Indeks Prestasi Utama ditetap: Kajian

Oleh Sazarina Shahrim  
sazarina@bharian.com.my

**P**UTRAJAYA: Semakin ramai rakyat Malaysia menerima dan mengamalkan gagasan 1Malaysia yang mula diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 2009.

Hasil kajian penerimaan dan pengamalan masyarakat terhadap gagasan 1Malaysia dilakukan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan tahun lalu menunjukkan 86.3 peratus rakyat Malaysia menerima gagasan itu berbanding 75 peratus pada tahun sebelumnya.

Menterinya, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata kajian itu juga menunjukkan penilaian terhadap tahap pengamalan gagasan 1Malay-

Sejumlah 81.3 peratus daripada 22,541 responden disoal selidik dalam kajian ini juga bersetuju bahawa gagasan 1Malaysia mampu menyatupadukan rakyat Malaysia pelbagai kaum dan agama

**Rais Yatim**  
Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

sia mencapai 85.7 peratus, iaitu melebihi sasaran Indeks Prestasi Utama (KPI) ditetapkan kementerian pada 40 peratus.

"Sejumlah 81.3 peratus daripada 22,541 responden disoal selidik dalam kajian ini juga bersetuju bahawa gagasan 1Malaysia mampu menyatupadukan rakyat Malaysia pelbagai kaum dan agama.

"Kajian dijalankan ini jelas menunjukkan penerimaan rakyat Malaysia seluruh negara terhadap gagasan 1Malaysia sangat menggalakan.

"Justeru, kita mahu kajian sama tahun ini membabitkan lebih ramai responden supaya hasilnya lebih menyeluruh," katanya selepas melancarkan Portal Pendidikan Score A Signature dan Skud Jelajah Motivasi 1Malaysia Gabungan Pelajar

Melayu Semenanjung (GPMS) di sini, semalam.

Kajian itu kesinambungan kajian yang sudah dilaksanakan pada 2009 dan 2010. Kaedah kajian dijalankan dengan pelbagai cara, termasuk menemubual responden secara bersemuka menggunakan borang soal selidik.

Terdahulu, Rais mengumumkan bantuan RM100,000 kepada GPMS bagi program jelajah perpustakaan dan program nilai murni dijalankan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu.

"Kita juga bercadang bergabung tenaga dengan GPMS menerusi Perpustakaan Negara untuk memperhebatkan kempen menggalakkan penggunaan bahasa Melayu di samping program pengkomputeran," katanya.